

18/03/2004

PM yakin rampas Permatang Pauh

Mutazar Abd Ghani; Ridzuan Yop

BUKIT MERTAJAM: Barisan Nasional (BN) yakin merampas kembali Parlimen Permatang Pauh pada pilihan raya umum, Ahad ini, berdasarkan perubahan ketara sokongan rakyat kawasan itu terhadap BN, khususnya Umno.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata suasana di kawasan itu hari ini jauh berbeza ketika beliau datang ke situ sempena Pilihan Raya Umum 1999.

"Gerhana di Permatang Pauh sudah berlalu dan kini diganti dengan bulan yang cerah, tetapi bukan bulan separuh putih tu (bendera Pas). Hari ini, Alhamdulillah sudah ada perubahan dan ramai yang datang. Dulu (1999) nak dapat separuh dewan pun susah. Tapi, sekarang ramai yang datang sokong kita.

"Kalau kita (jentera BN Permatang Pauh) kerja kuat lagi, mungkin yang datang lebih empat kali ganda daripada ini," katanya berucap sempena program Pemimpin Bersama Rakyat Parlimen Permatang Pauh yang dihadiri kira-kira 2,000 orang di Bangunan Umno bahagian itu, dekat sini semalam.

Hadir sama, Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon; Menteri Besar Perak, Datuk Seri Mohd Tajol Rosli Ghazali; calon BN bagi Parlimen Permatang Pauh, Datuk Pirdaus Ismail; calon DUN Penanti, Abdul Jalil Majid; calon DUN Permatang Pasir, Datuk Adnan Ramli dan calon DUN Seberang Ariff Shah Omar Shah.

Abdullah yang juga Pengerusi BN berkata, rakyat perlukan wakil rakyat yang baik dan mempunyai hubungan rapat dengan kerajaan, bagi membawa banyak kemudahan serta pembangunan ke kawasan yang mereka wakili.

Katanya, ini hanya dapat dilakukan jika rakyat menunaikan tanggungjawab sebagai pengundi, di samping membuat pilihan bijak dengan memilih mereka yang berkemampuan dan rapat dengan kerajaan.

Beliau berkata, setiap undi adalah sebagai isyarat, harapan dan amanat terhadap calon serta parti yang dipilih itu, supaya negara ini lebih aman, selamat dan maju lagi.

"Saya tak berhak nak paksa. Saya hanya boleh kata kewajipan kita jelas, apa yang kita nak buat. Yang penting keluar mengundi kerana satu undi membawa isyarat, harapan dan amanat terhadap calon serta parti yang dipilih nanti," katanya.

Perdana Menteri berkata, sokongan kepada beliau bukan bermakna menyokongnya secara peribadi, tapi sebagai sokongan terhadap amanah yang dipikulnya.

Katanya, ini kerana ketika ini beliau adalah Pengerusi BN, Pemangku Presiden Umno dan Perdana Menteri, yang diamanahkan untuk menerajui negara ini.

"Saya hanya orang biasa saja. Tapi, sokong saya sebagai ketua BN. Kekuatan kerajaan bergantung kepada tahap sokongan di Parlimen dan DUN.

"Ini bagi membawa lebih banyak kemajuan dan pembangunan ke arah yang lebih cemerlang, gemilang dan terbilang," katanya.

Secara berseloroh, Abdullah berkata, beliau boleh berehat selepas mengambil alih sebuah kerajaan yang berjaya daripada Tun Dr Mahathir Mohamad, sambil memantau pembangunan yang dilaksanakan.

Bagaimanapun, katanya, atas matlamat untuk membawa lebih banyak kemajuan dan pembangunan kepada negara serta rakyat, usaha perlu diteruskan bagi meningkatkan pencapaian sedia ada.

"Bila saya jadi Perdana Menteri, saya boleh duduk diam dan melihat pembangunan yang ditinggalkan Dr Mahathir. Tapi, kita nak tambah lagi.

Usaha nak tambah, bukan setakat yang ada sekarang," katanya.

Sementara itu, bercakap pada sidang akhbar selepas itu, Abdullah berkata, harapan untuk menang di Permatang Pauh pada masa ini adalah baik, asalkan jentera BN bekerja kuat dan tidak berasa selesa.

"Saya ingat harapan untuk menang baik waktu ini, tapi kena kerja la... Kerja kuat-kuat... itu yang saya terangkan pada mereka masa di Bilik Gerakan tadi... jangan selesa," katanya.